

Contohi Mydin tak jual produk antisawit

Subang Jaya: Kementerian Industri Utama (MPI) dalam usaha mencadangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) supaya pasar raya besar di negara ini tidak menjual produk yang mempunyai label antisawit.

Menterinya, Teresa Kok berkata, pihaknya sudahpun memanjangkan hasrat ini kepada Menteri KPDNHEP berikutan ia bukan di bawah bidang kuasa MPI.

“Saya rasa beliau masih mengkaji cadangan ini dan adalah lebih baik jika beliau sendiri yang berkata mengennainya.”

“Bagaimanapun, kementerian kami memuji pasar raya Mydin yang mengambil langkah pantas untuk tidak menjual produk antisawit dan jika boleh kami mahu lebih banyak pasar raya dan kedai runcit mengikut jejak langkah Mydin.

“Sudah tiba masanya semua pihak memainkan peranan penting untuk memperkasakan industri sawit negara



KOK (tengah) melakukan tinjauan barangan minyak masak bersama Ameer Ali (kiri) selepas melancarkan Kempen Sayangi Sawitku, semalam.

kita,” katanya kepada media selepas majlis pelancaran kerjasama Kempen Sayangi Sawitku bersama Mydin Mohamed Holdings Berhad di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Wira

Ameer Ali Mydin dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Dr Kalyana Sundram.

Pelabelan ‘minyak kelapa sawit’ atau ‘tiada minyak sawit’ adalah sebahagian daripada kempen antiminyak

sawit oleh beberapa syarikat asing yang dipaparkan melalui beberapa kategori produk seperti makanan, minuman, ubat gigi, syampu, kosmetik dan coklat.

Sementara itu, Ameer berkata, pihaknya sudah mem-

beri arahan kepada semua cawangan Mydin menurunkan mana-mana produk yang mempunyai label antisawit

“Sebagai rangkaian pemborong dan runcit terbesar tempatan, kami menyokong usaha kerajaan mempromosi

minyak sawit dan atas komitmen terbabit, kami menjadi platform menyalurkan maklumat melalui pameran poster serta tayangan video berkaitan minyak sawit di skrin paparan LED cawangan Mydin,” katanya.